



Kes COVID-19 akan naik, jangan panik

Oleh [Lugman Arif Abdul Karim](#) - Februari 3, 2022
lugman.arif@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak menolak kemungkinan kadar kes harian COVID-19 akan meningkat mendadak dalam tempoh singkat, berikutan varian Omicron.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata keadaan sama turut dialami di pelbagai negara, berpunca daripada kebolehjangkitan tinggi Omicron.

Katanya, kementerian akan terus memantau perkembangan semasa dan data terpenting seperti kadar kemasukan ke hospital, unit rawatan rapi (ICU) serta pesakit kategori kritikal.

"Kes akan meningkat, malah berkemungkinan secara mendadak dalam tempoh singkat kerana kita sudah ada Omicron di Malaysia yang mempunyai kebolehjangkitan tinggi.

"Kementerian akan sentiasa pantau data terpenting seperti kemasukan ke hospital, ICU dan pesakit kategori 4 serta 5 kerana kalau kita lihat kes saja, sudah pasti akan risau.

"Malah, ia (kadar kes harian) akan mungkin sampai lebih daripada jumlah yang direkodkan dalam tempoh seminggu lalu.

"Tetapi, kita jangan panik kerana sudah berada di tahap masyarakat terima hakikat Malaysia perlu hidup dengan COVID-19 dan liputan vaksin antara tertinggi di dunia," katanya pada sidang media di Hospital Tunku Azizah (HTA), di sini hari ini. Berdasarkan perangkaan semasa, kes harian COVID-19 sejak kebelakangan ini berada sekitar 4,000 hingga 5,000 kes, namun individu yang mengalami kesan kesihatan Kategori 1 hingga 3 mewakili lebih 95 peratus daripada keseluruhan pesakit.

Khairy berkata, kementerian sedang melakukan perolehan bagi mendapatkan ubat antiviral Paxlovid untuk kegunaan di Malaysia, khususnya golongan berisiko, rentan dan mempunyai komorbiditi.

Katanya, pengurusan wabak dan pesakit COVID-19 di Malaysia mencatatkan perkembangan positif dalam tempoh singkat apabila kebanyakan penghidap virus itu hanya ditempatkan di rumah, bagi tujuan pengasingan.

"Ini suatu pencapaian memberangsangkan dan dengan Paxlovid, kita akan dapat terus kurangkan bebanan di sektor perkhidmatan kesihatan awam," katanya.